

Faktor Yang Mempengaruhi Tingkah Laku Penggunaan Kod Qr Dalam Aktiviti Pembayaran Oleh Pelajar Universiti Awam Di Lembah Klang
Nur Fazlin Fazrina Rashdan dan Zuroni Md Jusoh

Kajian Kualitatif Terhadap Kaedah Perkongsian Untung Kepada Peserta Dalam Takaful
Md Azmi Abu Bakar dan Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali

Cognitive Ergonomics Approach In Food Packaging Design Influence On Purchase Decisions Among Klang Valley Consumers, Malaysia
Irwan Syah Md Yusoff, Azhari Md Hashim and Tai Jia Yi

Exploring The Impact Of Local Food Consumption Values And Tourist-Local Interactions On Revisit Intention In Malaysia's Culinary Tourism – A Conceptual Paper
Rozita Naina Mohamed, Mohd Saifullah Rusli and Mior Harris Mior Harun

Motivations Influencing Caffeine Consumption Behaviours And Habitual Caffeine Intake In Relation To Sleep Quality Of Public University Students In Peninsular Malaysia
Muhamad Afizi and Asma' Ali

Pengistilahan Al-Waqful 'Ajil Biqardhil Hasan (Waqh) Sebagai Satu Instrumen Kewangan Sosial Bagi Membiayai Projek Berkaitan Kepentingan Awam
Mohd Amim Othman

Pengaruh Alat Pemasaran Hijau Terhadap Tingkah Laku Pembelian Pengguna Di Selangor
Nor Shafika Zulkepli dan Jasmine Leby Lau

Corak Pengambilan Dan Perbelanjaan Makanan Serta Penerimaan Menu Rahmah Dalam Kalangan Pelajar IPTA Di Lembah Klang
Shamsul Azahari Zainal Badari dan Nurul Haziqah Jamli

Natural Dyes And Eco-Print Techniques Elevate The Art Of Nature And Local Culture
Irwan Syah Md Yusoff, Zulhelmy Hamdan, Mohamad Fakrol Zaini, Amer Syazwan Mohd Anuar and Azhari Md Hashim

The Influence Of Service Fairness On Students' Satisfaction Towards Library Services
Siti Khadijah Ismail and Monizaihasra Mohamed

Integrating Indigenous Aesthetic Knowledge In Upcycling Used Wood Furniture
Nurin Adlina Azmi, Siti Mastura Md Ishak, Roziya Ibrahim, Raja Ahmad Azmeer Raja Ahmad Effendi and Maszura Abdul Ghafar

JURNAL PENGGUNA MALAYSIA (Malaysian Consumer and Family Economics Association)

EDITORIAL BOARD

Chief Editor

Dr. Zuroni Md Jusoh
(zuroni@upm.edu.my)

Faculty of Human Ecology,
Universiti Putra Malaysia

Managing Editor

Assoc. Prof. Dr. Syuhaily Osman
(syuhaily@upm.edu.my)

Faculty of Human Ecology,
Universiti Putra Malaysia

Associate Editors

Assoc. Prof. Dr. Afida Mastura Muhammad Arif
(afidamastura@upm.edu.my)

Faculty of Human Ecology,
Universiti Putra Malaysia

Assoc. Prof. Dr. Rozita Naina Mohamed
(rozita449@uitm.edu.my)

Faculty of Business & Management, Universiti Teknologi
MARA

Asst. Prof. Dr. Siti Yuliandi Ahmad
(sitiyuliandi@iium.edu.my)

Kulliyah of Sustainable Tourism and Contemporary
Languages, International Islamic University Malaysia

Dr. Nur Jasmine Lau Leby
(jasminelau@upm.edu.my)

Faculty of Human Ecology,
Universiti Putra Malaysia

Dr. Normalisa Md Isa
(normalisa@uum.edu.my)

Centre for University-Industry
Collaboration, Universiti Utara Malaysia

Dr. Monizaihasra Mohamed
(monizamohamed@umt.edu.my)

Faculty of Business, Economics and Social Development,
Universiti Malaysia Terengganu

Dr. Irwan Syah Md Yusoff
(irwansyah@upm.edu.my)

Faculty of Human Ecology,
Universiti Putra Malaysia

Editorial Advisory Board

Prof. Dr. Ahmad Hariza Hashim
(ahariza@upm.edu.my)

Faculty of Human Ecology,
Universiti Putra Malaysia

Prof. Dr. Faridah Haji Hassan
(faridah387@uitm.edu.my)

Faculty of Business Management, Universiti Teknologi
MARA

Prof. Dr. Norhasmah Sulaiman
(norhasmah@upm.edu.my)

Faculty of Medicine and
Health Sciences, Universiti Putra Malaysia

Assoc. Prof. Dr. Elistina Abu Bakar
(elistina@upm.edu.my)

Faculty of Human Ecology,
Universiti Putra Malaysia

International Editorial Board

Assoc. Prof. Dr. Megawati Simanjuntak
(jcs@apps.ipb.ac.id)

College of Human Ecology, Bogor Agricultural University

Assoc. Prof. Dr. Gancar Candra Premananto
(gancar-c-p@feb.unair.ac.id)

Faculty of Economics and Business, Airlangga University

Asst. Prof. Paweena Jeharrong
(paweena.j@yru.ac.th)

Faculty of Management Science Yala Rajabhat University

Asst. Prof. Dr. Ahmad Alshuaibi
(ahmad@imt.ac.ae)

Institute of Management Technology Dubai, United Arab
Emirates

Dr. Teerayuth Mooleng
(teerayuth.m@yru.ac.th)

Faculty of Management Science Yala Rajabhat University

Dr. Sani Muhd Gawuna
(sanimuhdgawuna@yahoo.com)

Faculty of Social and Management Science, Police
Academy Nigeria

Dr. Khondker Suraiya Nasreen
(suraiya.nasreen@iu.org)

IU International Hochschule Düsseldorf Campus,
Germany

Format Editor

Mr. Mat Noh Nor
(matnoh@upm.edu.my)

Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Arts and Cultural
Centre, Universiti Putra Malaysia

JURNAL PENGGUNA MALAYSIA adalah keluaran Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia. Ia bertujuan untuk menyebarkan, menambah dan berkongsi maklumat berkaitan hal ehwal, undang-undang, penyelidikan dan isu semasa pengguna. Jurnal ini juga menggalakkan penulisan dan perkongsian idea tentang masalah dan keperluan pengguna dalam bentuk rencana, ulasan dan penyelidikan. Sila rujuk panduan kepada penulis untuk penghantaran bahan artikel

Ketua Editor,
Jurnal Pengguna Malaysia
d/a Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor
Emel: macfea.upm@gmail.com

Hak cipta terpelihara © 2024
Oleh Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia

Faktor Yang Mempengaruhi Tingkah Laku Penggunaan Kod Qr Dalam Aktiviti Pembayaran Oleh Pelajar Universiti Awam Di Lembah Klang <i>Nur Fazlin Fazrina Rashdan dan Zuroni Md Jusoh</i>	1
Kajian Kualitatif Terhadap Kaedah Perkongsian Untung Kepada Peserta Dalam Takaful <i>Md Azmi Abu Bakar dan Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali</i>	21
Cognitive Ergonomics Approach In Food Packaging Design Influence On Purchase Decisions Among Klang Valley Consumers, Malaysia <i>Irwan Syah Md Yusoff, Azhari Md Hashim and Tai Jia Yi</i>	38
Exploring The Impact Of Local Food Consumption Values And Tourist-Local Interactions On Revisit Intention In Malaysia's Culinary Tourism – A Conceptual Paper <i>Rozita Naina Mohamed, Mohd Saifullah Rusli and Mior Harris Mior Harun</i>	60
Motivations Influencing Caffeine Consumption Behaviours And Habitual Caffeine Intake In Relation To Sleep Quality Of Public University Students In Peninsular Malaysia <i>Muhamad Afizi and Asma' Ali</i>	80
Pengistilahan Al-Waqful 'Ajil Biqardhil Hasan (Waqh) Sebagai Satu Instrumen Kewangan Sosial Bagi Membiayai Projek Berkaitan Kepentingan Awam <i>Mohd Amim Othman</i>	98
Pengaruh Alat Pemasaran Hijau Terhadap Tingkah Laku Pembelian Pengguna Di Selangor <i>Nor Shafika Zulkepli dan Jasmine Leby Lau</i>	119
Corak Pengambilan Dan Perbelanjaan Makanan Serta Penerimaan Menu Rahmah Dalam Kalangan Pelajar Ipta Di Lembah Klang <i>Shamsul Azahari Zainal Badari dan Nurul Haziqah Jamli</i>	141
Natural Dyes And Eco-Print Techniques Elevate The Art Of Nature And Local Culture <i>Irwan Syah Md Yusoff, Zulhelmy Hamdan, Mohamad Fakrol Zaini, Amer Syazwan Mohd Anuar and Azhari Md Hashim</i>	166
The Influence Of Service Fairness On Students' Satisfaction Towards Library Services <i>Siti Khadijah Ismail and Monizaihasra Mohamed</i>	177
Integrating Indigenous Aesthetic Knowledge In Upcycling Used Wood Furniture <i>Nurin Adlina Azmi, Siti Mastura Md Ishak, Roziya Ibrahim, Raja Ahmad Azmeer Raja Ahmad Effendi and Maszura Abdul Ghafar</i>	190

PENYUMBANG ARTIKEL

Amer Syazwan Mohd Anuar	183 A, Jalan Cendana 3, Felda Inas 8100 Kulai Johor, Malaysia
Asma' Ali	Faculty of Fisheries and Food Science, Universiti Malaysia Terengganu
Azhari Md Hashim	College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kedah
Irwan Syah Md Yusoff	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Jasmine Leby Lau	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Maszura Abdul Ghafar	Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia
Md Azmi Abu Bakar	Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia
Mior Harris Mior Harun	INTEC Education College, Shah Alam
Mohamad Fakrol Zaini	No.21, Felda Triang 3, 28300 Triang, Pahang
Mohd Amim Othman	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Mohd Saifullah Rusli	Arshad Ayub Graduate Business School, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam
Monizaihasra Mohamed	Faculty Business, Economics and Social Development, Universiti Malaysia Terengganu
Muhamad Afizi	Faculty Business, Economics and Social Development, Universiti Malaysia Terengganu
Nor Shafika Zulkepli	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Nur Fazlin Fazrina Rashdan	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali	Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia
Nurin Adlina Azmi	Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia
Nurul Haziqah Jamli	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Raja Ahmad Azmeer Raja Ahmad Effendi	Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia
Rozita Naina Mohamed	Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Puncak Alam
Roziya Ibrahim	Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia
Shamsul Azahari Zainal Badari	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Siti Khadijah Ismail	Faculty Business, Economics and Social Development, Universiti Malaysia Terengganu
Siti Mastura Md Ishak	Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia
Tai Jia Yi	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Zulhelmy Hamdan	183 A, Jalan Cendana 3, Felda Inas 8100 Kulai Johor, Malaysia
Zuroni Md. Jusoh	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

PENGISTILAHAN *AL-WAQFUL 'AJIL BIQARDHIL HASAN (WAQH)* SEBAGAI SATU INSTRUMEN KEWANGAN SOSIAL BAGI MEMBIAYAI PROJEK BERKAITAN KEPENTINGAN AWAM

(*THE TERMINOLOGY OF AL-WAQFUL 'AJIL BIQARDHIL HASAN (WAQH) AS A SOCIAL FINANCIAL INSTRUMENT FOR FINANCING THE PROJECTS OF PUBLIC INTEREST*)

Mohd Amim Othman*¹

*Penulis Penghubung: (emel: mohamim@upm.edu.my)

Abstrak

"*Al-Waqful' Ajil Biqardhil Hasan*" (WAQH) adalah terma yang merujuk pada transaksi pinjaman tanpa faedah dan bayaran balik modal berasaskan sumbangan *waqf* tertanggung pada tempoh ditentukan seperti yang telah dipersetujui oleh pihak yang berkontrak. Dari aspek pelaksanaan, WAQH merupakan satu projek pembiayaan orang ramai yang menemukan tiga pihak iaitu peminjam modal tanpa faedah (*qardhul hasan*) dan pembayar pinjaman (*muwaqif*) dengan projek diurus oleh pihak ketiga (pelaksana) dengan kadar upah yang ditetapkan. Manfaat yang diperoleh peminjam adalah ganjaran pahala daripada Allah SWT berdasarkan jumlah kehilangan keuntungan simpanan akibat pindahan wang tunai dari akaun simpanan pemberi pinjam ke akaun pelaksana. Manakala manfaat kepada muwaqif adalah ganjaran pahala daripada nilai pindahan wang tunai dari akaun simpanan muwaqif ke akaun pelaksana bagi menebus hutang yang diberikan oleh peminjam modal. Secara praktis tiga (3) projek WAQH telah dilaksanakan melibatkan nilai sumbangan *waqf* berjumlah hampir RM900,000. Namun, disebabkan WAQH merupakan sebuah instrumen kejuruteraan kewangan sosial yang baru, maka terdapat keperluan untuk mengistilahkan WAQH bagi memudahkan masyarakat awam memahami tentang kaedah pembiayaan projek yang bakal dilaksanakan. Berdasarkan pelaksanaan beberapa projek terdahulu yang menggunakan instrumen WAQH, projek didapati berjaya diurus dengan baik dan kos barangan tidak terkesan akibat kenaikan inflasi kerana barangan pembinaan dan upah telah dibayar dan ditentukan lebih awal dan kemungkinan kegagalan sesuatu projek dapat dielakkan. Di samping itu, keyakinan masyarakat dalam menyediakan sumbangan dana *waqf* lebih tinggi berbanding konsep semasa yang menunggu dana *waqf* terkumpul sebelum melaksanakan projek yang dikehendaki. Ini disebabkan projek yang bakal menerima sumbangan *waqf* telah

¹Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

dilaksanakan dan hampir siap. Kesan positif dari kemajuan projek yang mengikut jadual mewujudkan keghairahan muwaqif untuk berlumba-lumba mendapatkan lot *waqf* terhad yang ditawarkan oleh pihak pelaksana. Ketika ini, fokus utama WAQH tertumpu dalam melaksanakan projek yang berkaitan dengan kewangan sosial yang memberi manfaat kepada masyarakat seperti pembinaan masjid dan surau serta kemudahan awam seperti tandas, pendingin hawa dan jambatan.

Kata kunci: *Qardhul Hasan, Waqf' Ajil, Muwaqif, Pemberi Pinjaman, Pelaksana*

Abstract

'Al-Waqful' Ajil Biqardhil Hasan (WAQH) is a term referring to a benevolent loan transaction and a capital repayment based on a deferred waqf donation at a specified period as agreed by the contracting parties. From the aspect of implementation, WAQH is a crowdfunding project which collaborates three parties, namely the borrower of capital without benefit (qardhul hasan) and the payer of the loan (muwaqif) with the project taken care of by a third party (executor) at a set rate of pay. The benefit to the borrower is a reward granted by Allah SWT based on the amount of loss of savings profit due to the transfer of cash from the borrower's savings account to the executor's account. While the benefit to the donor is the reward from the value of the cash transfer from the donor's savings account to the executor's account to redeem the debt given by the capital loanee. Practically three (3) WAQH projects have been implemented involving waqf donations totalling nearly RM900,000. However, since WAQH is a new social financial engineering instrument, there is a need to term WAQH to make it easier for the general public to understand about the project that will be implemented. Based on the implementation of several projects using WAQH instrument, the project is found to be well-managed and the cost of goods is not affected by the increase in inflation because the construction goods and wages have been paid and determined in advance and the possibility of failure of a project can be avoided. In addition, the level of confidence amongst community in providing waqf fund donations is higher than the current concept of waiting for waqf funds to be collected before implementing the desired project. This is because the project which will receive waqf donations has been implemented and is almost ready. The positive impact from the progress of the project which follows the schedule creates enthusiasm amongst the donor to pace up and get the limited waqf lot offered by the executor. Currently, WAQH's main focus is on implementing projects related to social finance which benefit the community such as mosque and musolla development, as well as public facilities such as toilets, air conditioners and bridges.

Keywords: *Qardhul Hasan, Waqf' Ajil, Donor, Lender, Executor*

Pengenalan

Kertas ini mencadangkan satu peristilahan terma khas didaftarkan sebagai salah satu instrumen kewangan sosial bagi memudahkan masyarakat awam memahami kaedah pelaksanaan sebuah projek pembiayaan awam yang menggunakan kaedah WAQH iaitu gabungan dua konsep kewangan sosial Islam iaitu *waqf* dan *qardhul hasan*. Sebagai contoh, terma *Bai' Bithaman Ajil* (perjanjian jual beli dengan harga tertanggung) atau BBA dirujuk sebagai satu instrumen kewangan perbankan Islam yang digunakan dalam pembiayaan sewa beli atau pembelian insurans. Kewujudan terma tersebut memudahkan pengguna memahami bahawa sesuatu projek yang bakal dilaksana menggunakan WAQH sebagai sumber utama pembiayaan bagi menyiapkan sesuatu projek.

Pergerakan dana kewangan sosial Islam di seluruh dunia dianggarkan berjumlah hampir USD1 trillion merangkumi kutipan dari pelbagai sumber sumbangan awam. Berdasarkan Laporan Bersama 2019 yang dikeluarkan oleh Bank Dunia, INCEIF dan ISRA mengenai usaha memaksimumkan kesan sosial melalui penyelesaian *waqf* telah menganggarkan nilai aset *waqf* sahaja di peringkat global melebihi USD700 bilion. Jika dimanfaatkan secara berkesan, dana *waqf* boleh menyumbang dengan ketara untuk mengurangkan jurang pembiayaan Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goal-SDG*) tahunan berjumlah USD2.5 trilion. Menurut Sultan Nazrin Shah, dari jumlah tersebut negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) hanya berjaya mengumpul USD200 bilion sahaja iaitu 0.2 peratus dari jumlah keseluruhan dana tersebut. Jumlah tersebut tidak termasuk jumlah sumbangan berkaitan *infaq* yang lain seperti sedekah, *aqiqah*, *qurban* dan *qardhul hasan*.

Pengumpulan dana tersebut jika dilakukan secara strategik dan terancang akan memberi manfaat kepada ramai umat Islam di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, masalah utama adalah berkaitan pengurusan zakat dan *waqf* sering kali berkisar pada beberapa aspek utama berikut iaitu tahap kesedaran dan pendidikan yang rendah, prosedur dan perundangan (Mohamad, et al. 2015) dan pengurusan dan pentadbiran (Rohayu & Rosli, 2014). Lazimnya pentadbir memainkan peranan penting dalam pengurusan tanah wakaf (Isa et al., 2011). Namun menurut Ihsan dan Mohamed Ibrahim (2011), hartanah wakaf di Malaysia turut berhadapan dengan masalah pengurusan dan pentadbiran. Hal ini jelas dilihat apabila sebahagian kakitangan yang ditugaskan dalam badan pengurusan wakaf didapati kurang mahir dalam mengendalikan pelbagai kes yang membabitkan pengurusan hartanah wakaf (Abdul Malik, 2012; Harun et al., 2012).

Mengambil manfaat dari pembangunan teknologi kewangan (*fintech*), ekonomi digital serta perkembangan teknologi maklumat terkini yang berlaku di seluruh dunia, usaha ke arah membangunkan minat masyarakat Islam untuk menyumbang dana

kewangan sosial di dalam program pembinaan infrastruktur awam sangat relevan dan perlu disokong. Ketika ini, semakin banyak platform digital dan teknologi kewangan (*fintech*) yang memudahkan umat Islam di seluruh dunia mengeluarkan zakat, *waqf*, sedekah dan sumbangan lain untuk diagihkan kepada golongan yang sangat memerlukan. Namun, lambakan iklan *waqf* dan sedekah di dalam platform digital yang tidak terkawal sedikit sebanyak memberi tanggapan negatif oleh masyarakat terhadap integriti, ketelusan dan tata kelola pihak pengurusan projek yang menguruskan platform digital tersebut.

Terdapat dua aspek utama dalam pembangunan sesebuah projek iaitu pengurusan dana modal dan pengurusan projek. Kecanggihan teknologi digital harus dimanfaatkan untuk mengelak sebarang salahlaku ke atas pengurusan dana modal oleh pihak pelaksana projek serta memastikan projek pembangunan dapat disiapkan mengikut jadual masa yang ditetapkan. Hasil dari peristilahan terma ini memudahkan masyarakat awam memahami kepentingan WAQH dalam kehidupan mereka. Kesan positif dari peristilahan terma memudahkan pelaksana projek memasarkan produk WAQH untuk mendapatkan dana modal bagi melaksanakan sesuatu projek kepentingan awam pada masa hadapan.

Latar Belakang Kajian

Kajian lampau berkaitan konsep *waqf* dan *qardhul hasan* banyak dilakukan oleh penyelidik tempatan dan antarabangsa. Namun dari segi pelaksanaan, agak sukar untuk mendapatkan penulisan artikel yang menerangkan pelaksanaan konsep tersebut di dalam projek kepentingan awam. Hal ini disebabkan kebanyakan projek penyelidikan menggunakan kaedah kuantitatif yang menumpukan kajian mereka terhadap mendapatkan respon pengguna melalui soalan kaji selidik (*questionnaire*) yang disediakan oleh penyelidik. Manakala, penulisan ilmiah berkaitan *qardhul hasan* dan *waqf* lebih cenderung kepada menjelaskan respon pengguna tahap pengetahuan, sikap, persepsi dan amalan terhadap kedua konsep tersebut. Disebabkan kekangan kepada sumber maklumat berkaitan pelaksanaan projek menggunakan instrument *waqf* dan *qardhul hasan*, kajian oleh penyelidik tempatan dan antarabangsa lebih cenderung untuk mendapatkan data lapangan berdasarkan aspek kognitif, efektif dan psikomotor pengguna di lapangan.

Kajian oleh Hanudin, Faizah dan Imran (2024) adalah penulisan paling hampir dalam menerangkan konsep WAQH. Dalam penulisan tersebut, tumpuan penyelidik adalah membangunkan rangka kerja baharu untuk mengukur keutamaan *muwaqif* terhadap pembiayaan *qardhul hassan* berasaskan *waqf* di Malaysia. Dalam kajian tersebut, penyelidik mencadangkan dana pembiayaan *qardhul hassan* diperoleh dari sumber *waqf*. Mereka berpendapat, penggunaan dana *waqf* untuk pembiayaan *qardhul hassan* satu alternatif terbaik dan berfungsi sebagai penyelesaian yang berdaya maju

untuk meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana pada masa COVID-19.

Namun begitu, menurut Amin et. Al (2010) terdapat halangan dalam memasarkan produk *qardhul hasan* kerana pandangan terhadap konsep tersebut bercanggah dengan kefahaman oleh bank-bank Islam, yang memberi kedudukan keuntungan terlebih dahulu sebelum kewajipan sosial diikuti. Pernyataan ini telah membawa kepada persepsi yang salah terhadap konsep *qardhul hasan* berasaskan *waqf* bahawa produk pembiayaan *qardhul hasan* kurang menarik untuk keuntungan dan akhirnya pada 2005, kebanyakan bank telah berhenti menawarkan produk tersebut kepada pelanggan mereka.

Selain itu, kajian lampau berkaitan *qardhul hasan* adalah tertumpu kepada jenis institusi kewangan mikro Islam yang menawarkan pembiayaan *qardhul hassan* (Prijadi et al., 2020; Wulandari, 2019, 2016). Kedua, usaha yang terhad dalam meneliti pembiayaan *qardhul hassan* dari konteks empirikal. Tiada kes-kes pelaksanaan *qardhul hasan* dalam pasaran pengguna (Abubakar Zauro et al., 2016; Amin et al. 2010). Ketiga, pembiayaan *qardhul hassan* hanya digunakan sebagai alat pembasmi kemiskinan, dianggap sebagai pinjaman yang indah di mana penghutang tidak membayar apa-apa tambahan bersumberkan daripada aktiviti pemberian pinjaman (Muneer dan Khan, 2019; Ismail dan Possumah, 2010). Keempat, tumpuan kepada beberapa kajian berasaskan *waqf* dan kegunaannya termasuk pembiayaan *qardhul hassan* (Musari, 2016). Walau bagaimanapun, Amin et. Al (2010) berpendapat bahawa tiada satu kajian yang mengkaji *qardhul hassan* yang berasaskan *waqf* sebagai alat pembiayaan.

Namun begitu, dari segi pelaksanaan konsep *qardhul hasan*, terdapat dua projek yang telah dilaksanakan, tidak direkodkan tetapi telah menggunakan konsep pinjaman *qardhul hasan* berdasarkan *waqf* di Kuala Lumpur, Malaysia. Projek pertama telah dilaksanakan dalam tahun 2019 bagi membiayai pembelian satu unit lot komersil bernombor di G12, Platinum Hill Condominium (PV8), Jalan Melati Utama 1, Taman Melati Utama, 53100 Kuala Lumpur. Perjanjian pinjaman *qardhul hasan* tersebut dibuat di antara Ahli Jawatankuasa (AJK) Surau Al-Iman PV8 dan dua individu penyumbang dengan nilai pinjaman berjumlah Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Ribu (RM70,000). Dalam perjanjian tersebut, penghutang adalah bendahari surau Al-Iman PV8 dan disaksikan oleh dua AJK Surau Al-Iman. Lot komersil tersebut dijual dengan harga RM500,000 dan ketika perjanjian *qardhul hasan* dilakukan baki jumlah yang perlu dibayar kepada penjual adalah RM70,000 sahaja. Tujuan pinjaman *qardhul hasan* dilakukan adalah untuk melunaskan keseluruhan hutang dan menamatkan bayaran sewa yang masih dikenakan oleh penjual sebanyak RM2,000 sehingga keseluruhan hutang dibayar. Hutang tersebut telah dilunaskan dalam tempoh enam bulan melalui kutipan *waqf* oleh pihak surau.

Berdasarkan perkembangan positif dari fasa pertama projek pemilikan lot komersil surau Al-Iman, pelaksanaan fasa kedua telah dimulakan dengan pinjaman *qardhul hasan* sebanyak RM150,000 ditawarkan kepada lima ahli qaryah surau Al-Iman yang bersetuju meminjamkan wang mereka sebanyak RM30,000 seorang bagi membiayai projek mengubahsuai yang berjumlah RM291,000. Jumlah pinjaman tersebut dilakukan dengan tujuan untuk memulakan projek pengubahsuaian surau dan pada masa yang sama usaha kutipan *waqf* tunai diusahakan oleh pihak AJK Surau Al-Iman. Pada tahun 2020, surau tersebut berjaya disiapkan sepenuhnya oleh kontraktor dan diserahkan kepada pihak AJK Surau Al-Iman dan pernah dijadikan surau Jumaat ketika Covid-19.

Pada 29 Jun 2021, pihak Majlis Agama Islam Wilayah melalui minit mesyuarat Jawatankuasa *Waqf*, MAWIP telah bersetuju menerima permohonan *waqf* khas oleh pihak Surau Al-Iman untuk melalui proses pendaftaran "Peletakhakan Berkanun bagi Tanah *Waqf*" di bawah Seksyen 416C, Kanun Tanah Negara 1965. Status penerima manfaat (*mauquf alaih*) telah diberikan oleh pihak MAWIP kepada AJK Surau Al-Iman PV8. Berdasarkan dari proses pinjaman *qardhul hasan* berdasarkan *waqf* yang dilakukan ke atas Lot G12, Platinum Victory Condo (PV8), Taman Melati Utama, 53100 Kuala Lumpur beberapa rumusan lapangan berjaya diperolehi antaranya:

1. Umat Islam lebih cenderung untuk terlibat di dalam program *waqf* jika sesebuah projek sudah siap dilaksanakan atau sedang dilaksanakan. Penyumbang dana berpendapat bahawa sesuatu program kutipan *waqf* tunai lebih baik dimulakan setelah sesuatu projek pembangunan berkaitan kepentingan awam hampir siap dan ruang *waqf* dibuka kepada masyarakat awam selepas itu. Hal ini bertujuan untuk mengelak salah laku oleh pihak pelaksana mengumpul dana dan tidak melaksanakan projek yang dirancangan.
2. Jumlah kutipan yang terkumpul perlu dilaporkan dan jumlah aliran tunai keluar *waqf* tunai dinyatakan dengan jelas kepada pihak AJK surau setempat. Ketelusan dalam proses pengutip dan mengagihkan dana *waqf* tunai akan meningkatkan minat, tahap kepercayaan dan keterlibatan masyarakat setempat untuk ber*waqf*.
3. Penyenaraian jumlah baki *waqf* yang terhad mendorong *muwaqif* berlumba-lumba untuk menyumbang *waqf* tunai mereka kepada pihak jawatankuasa masjid atau surau. Waktu yang paling sesuai untuk melancarkan kutipan *waqf* tunai adalah dalam bulan Ramadan dan dua bulan sebelumnya iaitu Rejab dan Syaaban.
4. Peserta dana *qardhul hasan* lebih cenderung menyertai program tersebut jika terdapat jaminan dana *qardh* tersebut boleh dikembalikan. Tahap keyakinan mereka semakin meningkatkan apabila pihak pelaksana berjaya mendapatkan senarai ikrar sumbangan *waqf* oleh *muwaqif* sebelum projek dimulakan.

Projek *qardul hasan* ketiga adalah pengubahsuaian Pejabat Timbalan Dekan, Pasca Siswazah dan Penyelidikan Bertanggungjawab, Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim (AIKOL), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Projek ini dilaksanakan pada November 2021 bagi membaiki infrastruktur dalaman yang rosak disebabkan ketiadaan perkhidmatan penjagaan ketika Covid-19. Kos projek berjumlah RM18,000 dan ditebus sebanyak RM12,000 oleh lima (5) individu berdasarkan konsep *waqf* tertanggung. Baki RM6,000 dibiayai oleh penyumbang dana *qardhul hasan*.

Waqf Dalam Islam

Waqf merupakan satu intrumen kewangan sosial yang sangat popular di kalangan umat Islam. Dari abad kesembilan masihi, kira-kira dua ratus tahun selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW, gerakan yayasan amal dan *waqf* (*waqf* atau *awqāf*) mula muncul dan tersebar di seluruh dunia Islam. Sepanjang alaf yang akan datang, yayasan amal dan *waqf* akan terus menjadi asas kepada konsep dan manifestasi masyarakat Islam sehingga menjadi hampir mustahil untuk membayangkan dunia Islam tanpa *waqf*. Menjelang awal 1800-an, menurut satu anggaran konservatif, lebih separuh daripada harta tanah di Empayar Uthmaniyyah diklasifikasikan sebagai harta *waqf* (Wael, 2012)

Menurut sumber lain yang boleh dipercayai, amal *waqf* (*awqaf*) dianggarkan mewakili 75 peratus tanah pertanian di kawasan Turki hari ini, satu perlima di Mesir, satu pertujuh di Iran, separuh di Algeria, satu pertiga di Tunisia, dan satu pertiga di Yunani. Pada akhir abad kelapan belas dianggarkan 20,000 *waqf* di Empayar Uthmaniyyah mempunyai jumlah pendapatan tahunan sama dengan satu pertiga daripada hasil tahunan kerajaan, dan mungkin mewakili sebanyak satu setengah hingga dua pertiga daripada tanah yang boleh dilaksanakan aktiviti pertanian (Amy, 2008).

Menurut Hodgson, seorang pengkaji sejarah Islam terkenal menyatakan dari abad kesepuluh, *waqf* persendirian (*waqf zurri*) menggantikan zakat sebagai instrumen pembiayaan sosial yang utama dalam masyarakat Islam dan *waqf* persendirian turut menawarkan asas material untuk pembiayaan aktiviti sosial Islam, khususnya dalam menyokong aktiviti keagamaan, sosial, budaya, dan ekonomi, sambil bersama-sama menjalankan fungsi politik. Melalui amalan *waqf*, pelbagai keperluan sivik dan juga kemudahan disediakan secara persendirian tetapi boleh dipercayai tanpa perlu atau takut campur tangan kuasa politik (Marshall 1974).

Walaupun perkataan *waqf* agak popular dalam sejarah Islam, agak menarik istilah tersebut tidak terdapat dalam al-Quran sendiri mahupun dalam literatur hadis. Istilah *waqf* dipercayai muncul sekitar pertengahan abad ketiga dalam Islam, semasa tempoh proses pembentukan undang-undang Islam (Marshall 1974). Walaupun istilah itu sendiri tidak wujud dalam al-Quran, ulama tafsir al-Quran menjelaskan

petikan dari ayat al-Quran berikut sebagai menyediakan asas kepada aktiviti dermawan dalam Islam:

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

Apabila mendengar ayat al-Quran ini, Abū Ṭalḥah, seorang sahabat Nabi Muhammad SAW yang terkenal mendermakan hartanya yang paling disayangi iaitu sebuah kebun kurma dengan lebih 600 pokok kurma di dalamnya untuk manfaat diberikan kepada golongan miskin di sekitar kota Madinah. Dia menjelaskan sebab di sebalik pemberiannya kepada Nabi Muhammad SAW adalah ia merupakan hartanya yang paling disayangi dan berharap dengan menghadihkannya kepada orang miskin, beliau akan mencapai status ketaqwaan yang sebenar di akhirat kelak. Setelah mengisytiharkan pemberiannya di hadapan Nabi Muhammad SAW, Abū Ṭalḥah pulang ke rumah untuk mencari isteri dan anaknya dan segera memberitahu mereka bahawa beliau telah *mewaqfkan* kebunnya untuk manfaat orang-orang miskin Madinah. Dedikasi beliau dan keluarga ini yang paling berharga untuk kebaikan orang miskin Madinah dan dikenali sebagai amal *waqf* individu pertama dalam Islam.

Di dalam sejarah umat Islam, *waqf* yang pertama dilaksanakan ialah pembinaan Masjid Quba' yang dibina sendiri oleh Nabi SAW. Hal ini diikuti oleh Masjid Nabawi di Madinah. Pembinaan kedua-dua masjid terawal dalam sejarah Islam melalui kaedah *waqf* adalah sangat penting untuk membangun masyarakat kerana masjid-masjid tersebut terbukti berperanan secara berkesan sebagai pusat pentadbiran masyarakat. Malah diketahui umum, institusi *waqf* sudah banyak menyumbang kepada perkembangan agama dan pembinaan modal insan apabila wujudnya institusi masjid serta institusi pendidikan seperti madrasah dan musolla. Begitu juga penubuhan Universiti Al-Azhar di Mesir yang dibina semenjak 1,000 tahun yang lampau dan dikendalikan daripada harta *waqf* yang memartabatkan kepentingan sektor pendidikan sehingga melahirkan ramai ilmuan Islam di seluruh dunia.

Dari sudut sunnah, Nabi Muhammad SAW telah memberikan perincian yang lebih khusus untuk penubuhan sesebuah *waqf*. Pertama, Nabi Muhamad ketika saat kewafatan baginda hanya meninggalkan tiga barang: keldai, senjatanya, dan beberapa tanah yang dia tetapkan sebagai dikhaskan untuk tujuan kebajikan (*ṣadaqah*). Kedua, Nabi Muhammad SAW berpesan kepada sahabat baginda Saidina Umar r.a bagaimana *mewaqfkan* harta untuk tujuan kebajikan dan ini menjadi model untuk *waqf* oleh ramai sahabat Nabi yang terkemuka. Imam Malik menyebut nasihat daripada Nabi SAW ini sebagai telah menetapkan dahuluan untuk *waqf* yang dipanggil "*ahbas*" oleh Imam Mālik.

Definisi Waqf

Menurut Kahf (1999), *waqf* merujuk kepada perlakuan memegang harta seperti tanah dan wang tunai di mana faedah diekstrak daripada aset atau hartanah untuk faedah orang ramai bersumberkan daripada pemindahan hak milik daripada penderma kepada Yang Maha Kuasa. Ketika ini, tumpuan masyarakat terhadap amal *waqf* tertumpu kepada wang tunai berbanding hartanah kerana ia lebih mudah dipindahkan. Apabila berlaku *waqf*, hak milik adalah dipindahkan dari penderma kepada Allah SWT.

Menurut Abu Yusuf, Muhammad bin Hasan, Ahmad bin Hanbal dan al-Syafi'i, *waqf* ialah menahan harta (*ayn mawquf*) sebagai milik Allah atau pada hukum milik Allah dan menyedekahkan manfaatnya ke arah kebajikan dari mula hingga akhirnya. Allah SWT telah mensyariatkan amalan *infaq* antaranya *waqf* dan menganjurkan serta menjadikannya sebagai salah satu cara untuk mendekati diri kepada-Nya. Ini berasaskan hadis Ibn 'Umar yang diriwayatkan Muslim.

”Dari Ibnu Umar r.a dia berkata: Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar lalu datang kepada Rasulullah SAW untuk meminta pandangan tentang tanah itu. Katanya: Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku mendapat sebidang tanah di Khaibar di mana aku tidak mendapat harta lain yang lebih berharga bagi ku selain daripadanya, walhal aku bercita-cita untuk mendampingkan diri kepada Allah SWT. Apakah yang hendak engkau perintahkan kepadaku dengannya? Maka Rasulullah SAW bersabda, “Jika engkau hendak, tahanlah tanah itu dan sedekahkan manfaatnya.” Maka Umar pun sedekahkan manfaatnya dengan syarat tanah (*maukuf*) itu tidak boleh dijualbeli, tidak dihebahkan dan tidak diwariskan. Tanah itu di*waqfkan* kepada fakir miskin, kaum kerabat, memerdekakan hamba sahaya, *fi sabilillah*, *ibnusabil* dan tetamu. Dan tidak ada halangan bagi orang yang menguruskan untuk mengambil upah sebahagian darinya dengan cara yang wajar dan mengambil upahnya tanpa menganggap bahawa tanah itu miliknya sendiri.”

Perkataan “ditahan” di atas membawa erti bahawa fizikal sesuatu harta yang di*waqfkan* itu hendaklah ditahan dipegang secara kekal tanpa boleh dihilangkan atau ditamatkan statusnya. Ia merujuk kepada pembekuan atau pemegangan aset yang di*waqfkan* dan penyaluran manfaatnya untuk kegunaan benefisiari yang dilantik atau tujuan yang ditetapkan oleh seseorang muwaqif di dalam suratcara *waqfnya*.

Qardhul Hasan dalam Islam

Al-qard dari segi bahasa bermaksud *al-qat'u* (potong). Harta yang diberikan kepada orang yang berhutang dinamakan *qard* kerana pemiutang memotong (mengambil)

sebahagian hartanya untuk diberikan kepada penghutang. Dari segi istilah, *al-qard* merujuk kepada penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemiutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut atau sesuatu yang sama nilai dengannya akan digantikan kembali kepada pemilik asal tanpa sebarang penambahan (Mustafa al-Khin dan Mustafa al-Bugha, 2011).

Sebarang tambahan terhadap barang atau wang yang diberi pinjam adalah ditegah dalam Islam kerana ia dianggap sebagai riba atau lebihan yang tidak mempunyai ganti yang dikenakan oleh pemberi pinjaman sementara menunggu bayaran balik. Orang yang berhutang mempunyai tanggungjawab untuk memulangkan barang yang sama atau serupa dengan apa yang dipinjam tanpa apa-apa tambahan terhadap harta yang dipinjam itu.

Kebiasaannya barang yang menjadi objek bagi akad *qard* ialah wang atau lain-lain medium pertukaran yang diterima oleh orang ramai. *Al-qard* dikategorikan sebagai akad *tabarru'* iaitu kontrak yang berteraskan kepada konsep kebajikan. Hal ini kerana faedah atau manfaat daripada transaksi yang berlaku hanya diperolehi oleh satu pihak sahaja iaitu penghutang.

Prinsip muamalah Islam secara jelas mengharamkan sebarang bentuk pinjaman wang yang mempunyai faedah. Sebarang tambahan nilai atau lebihan daripada jumlah pinjaman yang asal adalah dianggap sebagai riba. Hal ini kerana pinjaman yang mempunyai faedah mempunyai unsur-unsur penindasan dan ketidakadilan sehingga membebankan pihak yang meminjam wang atau berhutang. Justeru, Islam hanya membenarkan transaksi pemberian hutang atau pinjaman wang yang bebas daripada unsur riba dan mengutamakan kebajikan dan keadilan sosial yang dikenali sebagai *al-qard al-hasan*.

Secara umumnya, perkataan *al-qard al-hasan* bermaksud pinjaman yang baik. Ia merupakan manifestasi keprihatinan seseorang untuk melakukan kebajikan dengan membantu saudaranya yang berada dalam kesempitan khususnya dalam aspek kewangan. Oleh itu, peminjam hanya perlu membayar jumlah wang yang dipinjam sahaja tanpa dikenakan faedah. Konsep kebaikan dalam kontrak ini juga menjurus kepada kepada sifat toleransi dan prihatin, peminjam boleh memberikan saguhati berbentuk wang kepada pemiutang sewaktu melunaskan hutangnya sebagai tanda penghargaan kepada pemiutang kerana memberikan bantuan dalam keadaan terdesak. Hal ini berdasarkan kepada hadis Jabir bin Abdullah yang meriwayatkan bahawa beliau telah pergi berjumpa dengan Rasulullah SAW di masjid. Baginda Rasulullah SAW menyuruhnya menunaikan solat dua rakaat dan selepas itu Baginda telah membayar hutang kepada Jabir dengan bayaran yang lebih (Sahih Bukhari 2004).

Hukum pelaksanaan *al-qard al-hasan* adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT, hadis Rasulullah SAW dan *ijma'* para *fuqaha'*. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqarah, ayat 245:

“Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipat gandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya dan (ingatlah), Allah jualah yang menyempit dan yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepadaNya lah kamu semua dikembalikan.”

Berdasarkan ayat di atas, Allah s.w.t mengiktiraf orang yang memberikan pinjaman secara *al-qard* bagi tujuan meringankan beban orang yang memerlukan. Begitu juga dalam surah al-Hadid, ayat 11 Allah s.w.t memberi jaminan akan melipat gandakan pahala orang yang memberikan pinjaman secara ikhlas:

“Siapakah orangnya yang mahu memberikan pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (ikhlas) supaya Allah melipat gandakan balasannya? Dan (selain itu) ia akan beroleh pahala yang besar.”

Hukum pelaksanaan *qardul hasan* adalah sunat berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW dan juga *ijma'* para *fuqaha'*. Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud, Rasulullah SAW telah bersabda bahawa seorang muslim yang memberikan pinjaman wang atau hutang (*qard*) sebanyak dua kali adalah seperti bersedekah sekali (Sunan Ibnu Majah, 2008).

“Sesiapa daripada kalangan muslim yang memberikan pinjaman kepada muslim yang lain sebanyak dua kali, ganjarannya seperti melakukan sedekah sekali.”

Malah terdapat juga hadis yang diriwayatkan oleh Anas bahawa Rasulullah SAW telah bersabda (As-Sayuti 2013):

Abu Hurairah telah meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW telah bersabda: Sesiapa yang melepaskan seorang mu'min suatu kesusahan di dunia, nescaya Allah akan melepaskan dirinya daripada suatu kesusahan dari kesusahan-kesusahan di hari kiamat, sesiapa yang meringankan penderitaan seorang yang susah, nescaya Allah akan meringankan penderitaan dirinya di dunia dan di akhirat. Dan Allah sentiasa menolong hambaNya, selagi hambaNya berusaha menolong saudaranya.

Fuqaha' bersepakat bahawa tidak harus memberikan pinjaman sekiranya diketahui bahawa wang tersebut akan digunakan bagi tujuan haram atau maksiat seperti

perusahaan menternak babi atau membuat arak kerana dianggap turut bersubahat dalam aktiviti yang diharamkan oleh syarak (Al-Shirbani, 1958).

Sumber Kewangan Qardhul Hasan

Sumber kewangan boleh diperolehi dari pelbagai sumber. Antaranya, individu, organisasi perniagaan, pihak kerajaan dan zakat. Penggunaan dari sumber harta zakat daripada bahagian *asnaf al-gharimin* dicadangkan sebagai salah satu sumber *al-qard* dalam menyediakan sumber dana *qardhul hasan* kepada pengurus dana projek. Melalui kaedah ini, bahagian harta zakat yang disumbangkan akan sentiasa dapat mengekalkan nilai apabila wang zakat dibayar balik kepada pihak pusat pungutan zakat. Manakala harta tersebut akan sentiasa memberi manfaat kepada umat Islam dengan kos pembangunan projek dapat dikekalkan pada tahap yang rendah dan pada masa yang sama, kesan inflasi ke atas kos barangan pembinaan dapat dielakkan kerana pihak pengurusan projek boleh terus melaksanakan projek dan tidak perlu menunggu dana pembangunan mencukupi.

Terdapat dua kumpulan ulama yang berbeza pendapat dalam isu berkenaan penggunaan dana zakat dalam memberi pinjaman kepada mustahik. Kumpulan pertama, seperti Yusuf Al-Qardhawi, Abu Zahrah, Khallaf dan Hasan mengatakan boleh harta zakat dipinjamkan berdasarkan qias terhadap orang yang berhutang. Al-Qardhawi berpendapat dalam peminjaman (*qard*) menggunakan harta zakat, jika hutang dari harta zakat boleh dibayarkan. Maka tentu lebih utama membenarkan penggunaan dana zakat dari membiarkan peminjam terlibat dengan unsur riba, untuk kemudian nantinya harta tersebut dikembalikan ke kantung negara (Yusuf Qordhowi: 1994, 634).

Kumpulan kedua, seperti Muhammad Bin Shalih Utsaimin dan Husein Shahatah berpendapat bahawa harta zakat apabila telah dibayarkan, maka wajib untuk segera dikeluarkan, kepemilikannya menjadi milik mustahik dan tidak diperbolehkan bagi lembaga atau badan amil mengagihkan zakat dalam bentuk *al-qard* (pinjaman). Mengambil pandangan pertama, sumber zakat dipinjam tidak akan mengurangkan nilai kerana dana zakat dibayar setelah tempoh pembayaran *waqf* berakhir.

Dana pinjaman yang diperolehi dari pihak individu dan organisasi perniagaan perlu diberi pengecualian cukai sebagai satu insentif bagi mengalakkan lebih banyak syarikat berminat menyumbang lebihan dana perniagaan mereka untuk mengurangkan kos cukai tahunan mereka. Di Eropah dan Kanada, dana yang digunakan untuk membeli bon-bon sosial dikecualikan cukai oleh pihak kerajaan. Sesetengah bon menawarkan kos modal yang rendah bagi mengurangkan kesan inflasi ke atas simpanan mereka. Seksyen 44(6) dan 44(6D) di dalam Akta Cukai Pendapatan (ITA), 1967 perlu diperluaskan merangkumi sumbangan oleh individu dan organisasi dalam program berkaitan kewangan sosial.

Definisi Terma

Terma *al-waqful al-'ajil biqardhil hasan* adalah gabungan dua terma iaitu *waqf* dan *qardhil hasan*. Dalam Bahasa Arab, *waqf* berasal dari perkataan Arab *waqf*, iaitu nama terbitan (masdar) dari kata kerja *waqfa*, ia mempunyai berbagai-bagai makna mengikut tujuan dan penggunaan ayat itu sendiri. Dari segi bahasa, *waqf* memberi makna berhenti (habasa) menahan (mana'a) dan menegah (sakana) (Lisan Al-Arab, 1955). Perkataan lain yang sama erti dengan perkataan *waqfa* ialah *habasa* yang bermaksud berhenti. Kebanyakan ulama fiqh mentakrifkan *al-waqf* dari segi bahasa dengan perkataan *al-habs* kerana perkataan ini lebih hampir kepada pengertian syarak.

Terdapat empat syarat yang perlu dipatuhi di dalam proses *waqf* iaitu orang yang berwaqf (*muwaqif*), harta yang diwaqfkan (*maukuf*), penerima manfaat *waqf* (*maukuf alaihi*) dan *aqad waqf* atau pernyataan *waqf* (*sighah*). Dari sudut istilah pula, para ulama fiqh menggariskan bahawa *waqf* ialah satu amalan menyerahkan sebahagian atau seluruh harta dimiliki untuk dimanfaatkan oleh masyarakat dengan matlamat mendekati diri kepada Allah SWT. *Muwaqif* akan memutuskan segala bentuk hak dan penguasaannya ke atas harta yang diwaqfkan kepada penerima *waqf* yang dikehendakinya.

Harta yang hendak diwaqfkan perlu jelas pemilikannya dan juga perlulah memberi manfaat dan faedah. Begitu juga harta tersebut perlulah bersifat kekal fizikalnya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan *waqf* merujuk kepada sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai atau sesuatu yang diperuntukkan bagi keperluan berkaitan dengan agama Islam. Sebagai contoh, tanah *waqf* ialah tanah yang diperuntukkan bagi memenuhi keperluan agama seperti untuk kegunaan kawasan perkuburan, mendirikan masjid, sekolah dan seumpamanya.


Al-'ajil berasal daripada perkataan *'ajala* (dengan huruf 'ain) bermaksud menanggung, atau menunda sesuatu kepada satu masa tertentu. Melambatkan atau melewatkan sesuatu perkara seperti pembayaran atau pelunasan pembelian. Lawan bagi perkataan ini adalah *ajala yuajilu* (dengan huruf hamzah) bermakna disegerakan atau dipercepatkan. Huruf *bi* bermakna dengan atau berserta yang mempunyai fungsi menjadikan perkataan selepasnya berbaris bawah atau *majrur*.

Al-qardhil hasan bermakna pinjaman yang baik (ihsan). Ia merupakan satu konsep pemberian pinjaman tanpa dikenakan sebarang faedah atau syarat tambahan ketika pembayaran pinjaman dibuat. Walau bagaimanapun, peminjam boleh membayar satu jumlah tambahan yang difikirkan sesuai mengikut budi bicaranya sesuai sebagai tanda berterima kasih kepada pemberi pinjaman.

Model Kerangka Al-Waqful 'Ajil Biqardhil Hasan (WAQH)

Menurut Amin (2022), model kerangka *qardhul hasan* berasaskan *waqf* merupakan satu konsep perantaraan sosial di mana mereka yang mempunyai lebih dana akan menderma, yang seterusnya boleh digunakan untuk menjana sumber bagi pembiayaan *qardhul hasan* berasaskan *waqf*. Mengikuti Kahf dan Mohomed (2017), dana *waqf* yang terkumpul akan dilaburkan dalam sektor halal yang boleh menjana pulangan untuk digunakan membiayai dana *qardhul hasan*. Dalam sektor perbankan, sumber dana berpunca daripada penyimpanan dan pemegang saham manakala penggunaan dana adalah untuk pelbagai jenis produk pembiayaan.

Model kerangka *Al-Waqful 'Ajil Biqardhil Hasan* (WAQH) bermula dengan dana pinjaman (*qardh*) diperoleh dari sumbangan peribadi individu, agensi swasta dan kerajaan yang bersetuju untuk meletakkan sejumlah wang untuk dipinjam oleh pelaksana projek. Dana pinjaman tersebut ditawarkan dalam bentuk lot wang tunai dengan nilai yang ditawarkan dalam jumlah yang besar seperti Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000). Sebelum sesuatu pinjaman dilakukan, ia dimulakan dengan penawaran unit *waqf* dalam unit yang kecil serendah Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200). Unit tersebut diberikan tempoh *waqf* tertangguh (*al-waqful 'ajil*) selama tempoh sepuluh (10) bulan atau lebih rendah. Penetapan nilai sumbangan *waqf* yang rendah bertujuan untuk mengalakkan umat Islam terlibat amalan ber*waqf*. Dana dikumpul ke dalam satu tabung amanah yang diurus oleh Lembaga Pemegang Amanah (LPA) sebelum dana terkumpul tersebut dikembalikan kepada pemberi pinjam. Dalam era digital, aktiviti pengumpulan dana *waqf* mudah diuruskan menggunakan aplikasi teknologi digital secara atas talian. Kerangka *Al-Waqful 'Ajil Biqardhil Hasan* dijelaskan seperti gambar rajah yang disediakan di bawah:



Nota:

1. Pengurus projek akan melakukan kerja awal berkaitan penentuan jumlah kos pelaksanaan dan program penawaran pinjaman kepada orang awam.
2. Pengurus projek menawarkan lot qardhulhasan kepada pelabur yang berminat pada harga tertentu (cth: RM1,000 satu lot).
3. Wang dari lot qardhulhasan yang dibeli oleh peserta akan didepositkan ke dalam akaun Pemegang Amanah bagi tujuan membayar upah kontraktor.
4. Lot Wakaf dalam jumlah kecil tertentu akan ditawarkan kepada pewakaf dengan tempoh bayaran sebanyak RM20 sebulan untuk tempoh selama 10 bulan. (cth: RM200 seunit).
5. Wang wakaf yang diterima dari peserta wakaf akan disimpan oleh Pemegang Amanah untuk menebus pinjaman qardhulhasan.
6. Tuntutan oleh pihak kontraktor akan dibuat melalui pihak pihak perunding.
7. Dana qardhulhasan boleh diperolehi dari geran tahunan Kerajaan yang disalurkan melalui JAWHAR.
8. Dana dari sumber zakat diperloehi dari bahagian asnaf al-gharimin.
9. Dana dari sumber komersil boleh diperolehi melalui tawaran awam social bon di Pasaran Modal Malaysia, Suruhanjaya Sekurit.

Gambar Rajah 1: Model Kerangka Al-Waqful 'Ajil Biqardhil Hasan

Di dalam model WAQH, dana pinjaman tidak disimpan sebagaimana model kerangka pembiayaan qardhul hasan berasaskan *waqf* yang dicadangkan oleh Amin et.al (2010). Dana pinjaman akan digunakan terus untuk melaksanakan projek yang telah dirancang serta bertujuan untuk mengelak dari berlakunya kenaikan kos dalam barangan dan upah pekerja. Dana pinjaman di dalam WAQH lebih memfokuskan kepada pelaksanaan projek berbanding model terdahulu yang menumpukan kepada mengambil manfaat dari keuntungan simpanan dari dana *waqf* sebelum dana tersebut diberikan kepada penerima pinjaman. Adalah difahami bahawa tujuan pelaburan dana *waqf* adalah untuk mengekalkan kelestarian dana *waqf* dengan dana *qardhul hasan* hanya diambil dari keuntungan dari pelaburan.

Namun, penggunaan sumber *qardhul hasan* dari keuntungan pelaburan dana *waqf* disebabkan realiti wang fiat adalah bersifat tidak kalis inflasi dan kos barangan projek sangat terdedah kepada faktor naik dan turun harga barangan di pasaran. Tujuan dibangunkan kerangka model WAQH adalah untuk mengelak berlaku kerugian kepada dana *waqf* orang ramai disebabkan kesan inflasi ke atas kos barangan projek. Realiti di dalam projek berkaitan *waqf* adalah sumbangan *waqf* yang berkala dan tidak konsisten menyebabkan majoriti projek dibangunkan melebihi kos asal yang telah ditetapkan. Justeru, kebaikan model WAQH adalah dana pinjaman *qardhul hasan* bakal menyelamatkan dan mengelak potensi kewujudan "projek sakit" di dalam pembangunan projek berkaitan kepentingan orang awam.


Kaedah Pelaksanaan Al-Waqful 'Ajil Biqardhil Hasan (WAQH)

Terdapat persoalan bagaimana model WAQH boleh dilaksanakan di dalam persekitaran masyarakat Islam ketika isu berkaitan ketelusan dan tingkah laku pelaksana dalam mengurus dana *waqf* tunai menjadi perbualan orang ramai. Terdapat banyak kes dana *waqf* diselewang oleh pihak pelaksana iaitu organisasi pelaksana projek *waqf* dari kalangan NGO dan individu persendirian.

Di sesetengah kawasan seperti Selangor Darul Ehsan, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menetapkan pelaksana kutipan dana *waqf* yang berhasrat mendapatkan status pengecualian cukai perlu mendaftar dengan pihak MAIS. Dana sumbangan *waqf* perlu terlebih dahulu dimasukkan ke dalam tabung khas yang diwujudkan oleh pihak MAIS sebelum dana tersebut diagihkan kepada pihak pelaksana iaitu Jawatankuasa masjid yang terlibat dalam melaksanakan sesuatu projek pembinaan.

Dalam menjalankan kutipan dana sedekah atau *waqf* berkaitan WAQH, pelaksana projek dicadangkan menggunakan aplikasi digital bagi memastikan tidak terdapat unsur pecah amanah dan khianat dalam mengurus aliran tunai wang *waqf* atau sedekah orang ramai. Dalam konteks kajian ke atas pelaksanaan WAQH, aplikasi *dqurban.com* telah dibangunkan khusus untuk memudahkan umat Islam terlibat dalam aktiviti berkaitan sedekah dan *waqf* tertanggung. Melalui aplikasi *dqurban.com*, peserta *waqf* boleh memilih jumlah yang hendak disumbangkan dan kaedah bayaran boleh dipilih berdasarkan tempoh masa yang sesuai dan tidak membebankan komitmen bulanan peserta. Pakej sumbangan ditetapkan berdasarkan jumlah tempoh masa sumbangan, jumlah yang dipohon dan kadar sumbangan yang tidak membebankan.

Berdasarkan gambar rajah di bawah, peserta perlu terlebih dahulu mendaftar sebagai ahli *dqurban.com* sebelum dibenarkan terlibat dalam memilih unit sumbangan yang hendak dilaksanakan. Pakej sumbangan *waqf* atau sedekah akan diuruskan oleh admin *dqurban.com* dan sumbangan peserta akan diagihkan terus ke dalam dana yayasan atau pemegang amanah yang dilantik. Setengah sumbangan *waqf* wang tunai akan diberikan status pengecualian cukai jika dana dari projek kutipan *waqf* tersebut didepositkan terus ke dalam tabung pemegang amanah tersebut.



Gambar Rajah 2: Model Kerangka Operasi Aplikasi Dqurban.com

Dalam konteks menjalankan kutipan dana awam, pelaksana perlu berhati-hati sebelum memulakan proses tersebut kerana individu persendirian dan organisasi yang berdaftar dengan Pendaftar Perniagaan (ROB) dan Pendaftar Syarikat (ROC) tidak dibenarkan menjalankan aktiviti mengutip wang awam bagi menjalankan projek mereka. Pihak kerajaan sedang berusaha meneliti untuk menetapkan garis panduan rasmi yang sesuai dalam memastikan tidak berlaku penyelewengan dalam urusan kutipan dana serta derma awam. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd Na'im Mokhtar menegaskan, garis panduan penting dalam memastikan amanah dipertanggungjawabkan termasuk membabitkan golongan pengengaruh disampaikan kepada kumpulan sasaran (SinarHarian, 2024).

Cadangan dan Pandangan Masa Depan

Untuk manfaat masa depan, cadangan yang boleh diberi ialah untuk memperluaskan penggunaan WAQH sebagai instrumen kewangan sosial dalam membiayai pelbagai jenis projek kepentingan awam. Dalam isu ini, pihak berkuasa, institusi kewangan dan masyarakat perlu bekerjasama untuk mempromosikan kesedaran mengenai kelebihan dan manfaat WAQH. Selain itu, kajian lanjut juga perlu dijalankan untuk meneliti potensi kegunaan WAQH dalam bidang-bidang lain dan cara untuk memperbaiki serta memperkukuhkan perkongsian WAQH. Dengan usaha yang berterusan, WAQH boleh menjadi satu instrumen kewangan sosial yang efektif dan berkesan dalam menangani keperluan pembiayaan projek-projek kepentingan awam.

Keistimewaan WAQH termasuklah tidak mengenal pasti had peruntukan atau maksimum, keupayaan untuk memperoleh faedah segera dalam tempoh tertentu dan berpotensi untuk membiayai projek-projek sosial yang besar seperti pembinaan hospital, perumahan awam dan kempen-kempen kesedaran masyarakat. Kelebihan

lain adalah WAQH dipandang sebagai cara yang berkesan dalam penggunaan dana *waqf* dengan baik dan berkesan.

WAQH boleh mengalakkan minat umat Islam untuk ber*waqf* dan bersedekah kerana projek yang dilaksanakan berdasarkan model WAQH dapat mengelak kegagalan dan kewujudan projek sakit. Pelaksanaan projek yang disokong dengan dana yang terkumpul lebih baik berbanding dengan projek yang dilaksanakan menggunakan dana yang bergantung penuh kepada kutipan semasa wang orang ramai. Pelaksana projek boleh mengurangkan kesan inflasi ke atas harga barangan dan upah pekerja yang meningkat disebabkan berlaku pengucupan penawaran pekerja di dalam pasaran buruh.

Manfaat sebenar dari pelaksanaan model WAQH dan persekitaran kewangan sosial Islam adalah umat Islam didedahkan kepada amalan bersedekah dan ber*waqf* secara bersistem dan tersusun. Ia cenderung kepada meningkatkan minat umat Islam kepada gerakan amal islami dan meningkatkan sokong masyarakat awam kepada usaha membangunkan asset *waqf* bagi tujuan manfaat bersama.

Rujukan

- Abdul Malik, A. B, (2012) Comparative Study On Management Of Waqf Land, unpublished Degree Dissertation, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
- Abu Abdullah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini (2008) Sunan Ibn Majah, Dar Al-Khutub Al-ilmiyah. hadis no. 2430, juz 2, m.s 812.
- Amin, H. (2022), A preliminary study of QAFSCALE measuring waqf-based qardhul hassan financing receptiveness. E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, Vol.9 No.2, pp.1-23
- Amin, H. (2022). Waqf-based qardhul hassan finance: a preliminary study of QAFSCALE measuring waqf-based qardhul hassan financing receptiveness. e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, 9(2), 1-23.
- Amin, H., & Ramayah, T. (2010). SMS banking: explaining the effects of attitude, social norms and perceived security and privacy. The Electronic Journal of Information Systems in Developing Countries, 41, 1-15.
- Amin, H., Ghazali, M., & Supinah, R. (2010). Determinants of qardhul hassan financing preference among Malaysian bank customers: An empirical analysis. International Journal of Business and Society, 11(1), 1-16

- Amy Singer, *Charity in Islamic Societies* (New York: Cambridge University Press, 2008), 186.
- Anan bin C. Mohd. *Pembangunan Wakaf Menerusi Pendanaan Kerajaan dan Kerjasama Institusi Kewangan dan Korporat: Hala Tuju, Cabaran dan Harapan.* <https://e-muamalat.islam.gov.my/>
- Basmi kemiskinan: Umat Islam perlu menggunakan pendekatan lebih meluas, (2024) Bernama Online. <https://www.bernama.com/bm/am/news.php/news.php?id=2323004>.
- Hanudin Amin dan Faizah Panggi. (2024), *Waqif Preference Of Waqf-Based Qardhul Hassan Financing In Malaysia Using A Maqāṣid Approach.* *Journal of Islamic Accounting and Business Research.* Feb 2024.
- Hanudin Amin, et. al. (2023), *Waqif Preference of Waqf-Based Qardhul Hassan Financing in Malaysia: An Analytic Hierarchy Process Perspective,* *International Journal of Islamic Economics and Finance (IJIEF)*, Vol. 6(2), page 337-360, July 2023.
- Harun, R., Mohamed Isa, Z., Ali, N. (2012) *Preliminary Finding on Waqf Management Practices among selected Muslim Countries, Proceedings of 2012 International Conference on Economics Marketing and Mangement IPEDR Vol 28.* LACSIT Press, Singapore.
- <https://www.ifac.org/knowledge-gateway/discussion/facilitating-sdgs-islamic-finance-part-4-harnessing-islamic-social-finance-greater-good>
- Ibn Manzur (1955), *Lisān al-‘Arab.* Dar Sader: Beirut. Vol. 9/359.
- Ihsan, H.; Mohamed Ibrahim, S. H. (2011) *Waqf accounting and management in Indonesian Waqf Institution.* *Humanaomics.* 27(4), 252-269.
- Isa, Z. M.; Ali N.; Harun, R. (2011) *A Comparative Study of waqf management in Malaysia.* *Proceeding of 2011 International Conference on Sociality and Economic: Development IPEDR Vol 10 .* LACSIT Press Singapore.
- Jalal Al-Din Abu Al-Fadl 'Abd Al-Rahman Ib Suyuti (2013) *Jami' al-Ahadis, Turath For Solutions.* Hadis no. 12633, Juz 13, m.s 91.
- Jalal Al-Din Abu Al-Fadl 'Abd Al-Rahman Ib Suyuti (2013) *Jami' al-Ahadis, Turath For Solutions.* Juz 6, Hadis no. 4522, m.s 476.

- Kahf, M. (1999), Financing the development of awqaf propertyll, The American Journal of Islamic Social Sciences, Vol.16 No.4, pp.39-66.
- Kerajaan teliti tetap garis panduan kutip dana, derma awam, 16 Julai 2024, Sinar Harian Online.
- Khalil Abdur-Rahsid (2020), The-Rise and Fall of Islamic Philanthropic Institutions (Waqfs), Yaqeen Institute for Islamic Research. Cyberjaya, Malaysia.
- Marshall Hodgson, The Venture of Islam, vol. 2 (Chicago: University of Chicago Press, 1974), 124; also see Singer, Charity, 91.
- Mohamad, Z. I., Muhammad, I.R. Mohd, A.R. (2015), Pemerkasaan Wakaf Di Malaysia: Satu Sorotan. Labuan e-Journal of Muamalat and Society, Vol. 9, 2015, pp. 1-13.
- Mohsin, M. I. A. (2013), Financing through cash-waqf: a revitalization to finance different needsll, International Journal of Islamic And Middle Eastern Finance And Management, Vol.6 No.4, pp.304-321.
- Muhammad ibn Ahmad ibn Abu al-Baqa' al-Shirbini (1958) Mughni al-Muhtaj, Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-babi al-Halabi wa Awladih. m.s 153.
- Muhammad ibn Ismail al-Bukhari (2004) Sahih Imam Bukhari. New Delhi: Islamic Book Services.
- Muneer, F. and Khan, F. (2019), Qard-al-Hassan as a tool for poverty alleviation a case of Fael Khair Waqf Program in Bangladesh, Journal of Islamic Monetary Economics and Finance, Vol.5 No.4, pp.829-848.
- Muneer, F., & Khan, F. (2022). Impact of Qard-al-Hasan (interest-free loan) program in reducing multidimensional poverty: evidence from the southwest Bangladesh. International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management, 15(6), 1072-1087
- Mustafa al-Khin dan Mustafa al-Bugha (2006) Fiqh al-Manhaji, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan. Juz 3, m.s 89.
- Nurchahaya, Yusrialis, Akbarizan, Srimuhayati dan Nurrahmi Hayani, (2019) Al-qardh dari Harta Zakat Bagi Mustahik dan Implementasinya di Baznas Indonesia dan PPZ Malaysia, Jurnal of fatwa management and research, VOL. 17 No. 2 2019, Edisi Khas.

- Rohayu, A. M. & Rosli, S. (2014), Permasalahan Pengurusan Hartanah Wakaf Di Malaysia, *International Surveying Research Journal (ISrJ)*, Vol.4 No. 1, pp. 29-43.
- Sahih al-Bukhari, hadis no. 2264, juz 2, m.s 843.
- Shahwan, S., Mohammad, M. O. and Rahman, Z. A. (2013), Home financing pricing issues in the Bay' Bithaman Ajil (BBA) and Musharakah Mutanaqisah (MMP)ll, *Global Journal Al-Thaqafah*, Vol. 3 No.2, pp.23-36.
- Wael B. Hallaq (2012) *Sharia: Theory, Practice, Transformations*, New York: Cambridge University Press, pp. 402.
- World Bank (2019), Maximising Social Impact Through Waqf Solutions. International Federation of Accountants (IFAC) <https://www.ifac.org/knowledge-gateway/discussion/facilitating-sdgs-islamic-finance-part-4-harnessing-islamic-social-finance-greater-good>.
- Wulandari, P. (2019), Enhancing the role of baitul maal in giving qardhul hassan financing to the poor at the bottom of the economic pyramidll, *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, Vol. 10. No.3, pp.382-391.
- Zainal Abidin, A., Alwi, N. M. and Ariffin, N. M. (2011), A case study on the implementation of qardhul hasan concept as a financing product in Islamic banks in Malaysia, *International Journal of Economics, Management and Accounting*, Vol. 19 No.3, pp.81-100
- Zauro, N. A., Saad, R.A., & Sawandi, N. (2016). The moderating effects of financial inclusion on qardhul hassan financing preference in Nigeria: A proposed framework. *6(S7)*, 143-148.

JURNAL PENGGUNA MALAYSIA

